

Program Gerak Insan Gemilang (GIG)

Pembangunan Penyedia Baru 'BIM

Seperti yang di nyatakan oleh YB Menteri Kerja Raya berkaitan senario pasca – Covid19: “Cabaran utama untuk menyesuaikan norma baru di tapak pembinaan adalah dengan memastikan aspek keselamatan dan kesihatan diberikan penekanan dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing melalui penggunaan teknologi terkini, termasuk Sistem Binaan Berindustri (Industrialised Building System, IBS) dan Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Modelling, BIM)”.

Latihan BIM adalah diantara latihan kemahiran yang dicari di dalam industri pembinaan, samada di Malaysia atau global. Ini kerana, industri pembinaan di serata dunia sedang bergerak ke arah industrilisasi dengan menggunakan teknologi pembinaan dan ICT / digitalisasi untuk mencapai kualiti, produktiviti dan keselamatan yang lebih baik. Peluang yang terdapat di dalam BIM adalah amat besar di dalam industri pembinaan Malaysia, di mana secara beransur – ansur ia mula dijadikan syarat wajib untuk projek pembangunan.

Menjelang 2021, seperti yang di nyatakan dalam Program Transformasi Industri Pembinaan, penyerahan pelan bangunan untuk pihak berkuasa tempatan bertaraf bandar raya akan dibuat dalam BIM. Apabila lebih banyak BIM digunakan di dalam industri, lebih ramai penyedia 'BIM Modelling' diperlukan untuk berkhidmat. Walau bagaimanapun, negara masih lagi kekurangan kakitangan BIM. Dengan keadaan semasa disebabkan pandemik Covid-19 dan gangguan kepada bekalan buruh asing kepada industri pembinaan di Malaysia, ia telah menghasilkan peluang baru kepada rakyat Malaysia terutamanya golongan Belia untuk membantu membina negara ke arah yang lebih baik.

Latihan ini bertujuan untuk menghasilkan penyedia servis 'BIM Modelling' baru daripada golongan Belia, untuk berkhidmat di dalam pasaran pembinaan dan pengubahsuaian rumah yang semakin berkembang. Peserta akan dibekalkan dengan kit permulaan perniagaan BIM yang mengandungi lesen penuh perisian TiffinBIM, perisian BIM jenama – Malaysia oleh Innovacia, sebagai penyelesaian mampu milik.

Latihan selama 7 hari / Dibiayai penuh oleh HRDF* / Kit permulaan perniagaan dengan perisian / Elaun

Untuk semua: Sijil Kehadiran. Untuk yang lulus dalam ujian : Sijil 'TiffinBIM BIM Modeler'

Objektif

1. Untuk menyampaikan ilmu perniagaan dan pendedahan kepada peluang yang luas yang terdapat di dalam industri pembinaan dan perumahan.
2. Menyediakan kemahiran dan ilmu dalam 'BIM Modelling'
3. Menyiapkan peserta di kalangan Belia ke arah perniagaan 'BIM Modelling' sebagai penyelesaian untuk menjana pendapatan pasca – Covid19 dan pada masa hadapan.

Tempat adalah terhad. Hubungi kami untuk mendaftar.

info@innovacia.com.my / +6012-3058086

*Pembiayaan adalah tertakluk kepada kelulusan HRDF

Penyedia Latihan & Penyelesaian



Hasil Pembelajaran

1. Fahami peranan, potensi BIM dan peluang yang luas dalam industri pembinaan dan perumahan
2. Mampu untuk memahami dan menghasilkan model BIM untuk keperluan Senibina, Struktur, Mekanikal dan Elektrikal.
3. Menguasai asas peralatan perniagaan dan prosedur untuk menyediakan perniagaan 'BIM Modelling', mengurus dan mengekalkan perniagaan.